

Headline	Kenaikan tarif elektrik tidak dapat dielakkan Najib		
MediaTitle	Mingguan Malaysia		
Date	08 Dec 2013	Language	Malay
Circulation	459,793	Readership	1,854,000
Section	Dlm Negeri	Page No	4
ArticleSize	111 cm <sup>2</sup>	Journalist	N/A
PR Value	RM 4,887		



# Kenaikan tarif elektrik tidak dapat dielakkan - Najib

KUALA LUMPUR 7 Dis. - Datuk Seri Najib Tun Razak berkata, kenaikan tarif elektrik berkuat kuasa 1 Januari ini tidak dapat dielakkan bagi mengekalkan daya saing Tenaga Nasional Berhad (TNB) daripada terjejas.

Menurut Perdana Menteri, sebagai sebuah badan, TNB memerlukan RM6 bilion setahun untuk pelaburan namun pada masa sama kerajaan akan tetap memastikan rakyat teramai tidak terjejas.

"Sebenarnya sebanyak 71 peratus pengguna tidak terlibat dengan kenaikan tarif ini, yang kena kenaikan ialah kira-kira 30 peratus melibatkan pengguna komersial

dan domestik," katanya.

Najib berkata demikian pada sidang akhbar selepas berakhir Perhimpunan Agung UMNO 2013 di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini hari ini.

Beberapa perwakilan UMNO dalam sesi perbahasan sebelum ini meminta kerajaan menimbang semula kenaikan tarif elektrik sebanyak 14.89 peratus daripada kadar purata semasa 33.54 sen kilowatt-jam (kWj) kepada 38.53 sen kilowatt-jam (kWj)

berkuat kuasa 1 Januari ini.

Ditanya mengenai peningkatan harga beberapa barangan sejak berakhir

Pilihan Raya Umum Ke-13 (PRU-13), beliau berkata, kenaikan tersebut diputuskan oleh kerajaan bagi memastikan kewangan negara lebih kukuh.

"Namun dari segi kepentingan rakyat, jaringan keselamatan sosial ditambah lagi. Misalnya Bantuan

Rakyat 1Malaysia (BR1M) dinaikkan, kita ada insurans takaful dan terus menimbangkan dari semasa ke semasa (bantuan lain) tetapi kita perlu kekuatan fiskal," jelasnya.

Berhubung rungutan golongan kelas pertengahan yang merasakan mereka paling menerima kesan daripada kenaikan ini, Perdana Menteri berkata: "Jalah.. tak dapat dielakkan," jelasnya.